

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI ISNIN, 27 MAC 2023, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 1 (A131)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai usaha untuk memperkasakan graduan TVET dengan program seperti "train and place" di mana mereka diberikan latihan yang memenuhi pasaran industri pekerjaan di negeri Johor?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 2 (A60)**

Mohon penjelasan semula mengenai inisiatif kerajaan untuk membantu Persatuan Teksi Negeri Johor khususnya di DUN Maharani?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 3 (A145)**

Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan secara langsung oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) supaya mereka sama-sama memainkan peranan penting dalam usaha menangani isu penderaan kanak-kanak?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 4 (A6)**

Kenapa dan bilakah BPEN menerusi Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor akan melaksanakan pembinaan 15 unit rumah di daerah Segamat menerusi program bantuan rumah tahun 2022 seperti yang dijanjikan kerana sudah lebih setahun masih belum dimulakan pembinaannya?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 5 (A65)**

Apakah status program JENDELA untuk keseluruhan negeri Johor?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 6 (A93)

Dalam pengupayaan masjid / surau bagi barisan pegawai imam dan bilal. Apakah perancangan dan inisiatif yang telah diambil bagi merangsang kebolehjadian kekurangan barisan imam dan bilal di semua masjid dan surau dalam negeri Johor.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 7 (A36)

Apakah pendekatan kerajaan negeri dalam usaha untuk mentranformasi sektor pertanian masa kini?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 8 (A164)

Nyatakan pelan naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dalam masa 3 tahun.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 9 (A70)

Berapakah jumlah pusat hemodialisis kelolaan Waqaf AnNur dan jumlah pesakitnya

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN 10 (A183)

Apakah penyelesaian terbaik dapat diambil oleh kerajaan negeri untuk membuat penyambungan sumber elektrik bagi rumah pangsapuri Taman Desa Kempas yang tidak mendapat kelulusan (CCC) sejak 20 tahun lalu sehinggalah pemilik sudah habis melunaskan pinjaman bank.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 11 (A34)

Selain negeri Pahang, Johor amat dikenali dengan seni tenun Johor. Dalam mengekalkan identiti Johor itu, apakah perancangan kerajaan negeri dalam memelihara seni tenun Johor supaya memastikan kesinambungan industri tenun Johor itu sendiri sekaligus memartabatkan ke peringkat antarabangsa?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 12 (A106)

Banyak tahfiz secara persendirian telah diwujudkan. Berapakah jumlah tahfiz yang berdaftar dan masih tidak berdaftar di negeri Johor?

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)

SOALAN 13 (A220)

Apakah usaha kerajaan negeri dalam memartabatkan golongan OKU di negeri Johor?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 14 (A22)

Program Johor Young Droneengineers dan Youngster Coding Programme telah dilaksanakan. Bolehkah YB memberikan keterangan selanjutnya berkenaan pelaksanaan program ini di kawasan DUN Jementah.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 15 (A80)

Nyatakan jumlah kes aduan mengenai kacau ganggu yang melibatkan kebersihan dan keselamatan akibat rumah atau bangunan terbiar di setiap daerah pada tahun 2022?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 16 (A85)

Berapakah projek pembangunan infrastruktur dan projek bantuan baik pulih rumah di Kampung Baru Cina telah dilaksanakan melalui peruntukan pembangunan Kampung Baru Cina yang disalurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara kepada Negeri Johor pada tahun 2022? Minta senaraikan mengikut pecahan daerah.

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN 17 (A21)

Apakah langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan agensi pelancongan negeri bagi mempromosi Taman Eco Rimba Taka Melur dan trek 4x4 Salur Gajah yang terdapat di DUN Tenang?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 18 (A79)

Adakah inisiatif 10 meter padu air percuma untuk isi rumah berpendapatan rendah di Negeri Johor telah dihentikan dan nyatakan sebabnya?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN 19 (A90)

Apakah perancangan gerak kerja dan saranan penambahbaikan dari segi keselesaan tempat, makanan, aktiviti dan lain-lain keperluan bagi penempatan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) semasa musim banjir.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 20 (A199)

Apakah pendirian kerajaan terhadap kempen larangan penggunaan penyedut minuman plastik dan pembungkus makanan polisterin dan langkah-langkah yang telah diambil kerajaan di dalam melaksanakan kempen tersebut?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)

SOALAN 21 (A189)

Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk menjadikan Pulau Tanjung Surat sebagai destinasi eco-tourism di negeri ini.

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)

SOALAN 22 (A185)

Adakah pihak kerajaan mengenakan tindakan sepatutnya kepada pemilik dan pengusaha tapak pelupusan sampah haram dikawasan Banjaran Kempas dan adakah jaminan oleh pihak kerajaan agar perkara ini tidak berulang selain memastikan kewajaran pihak yang terlibat memulihkan semula keadaan tanah kepada asal.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 23 (A14)

Bermula tahun 2022 sehingga Mac 2023, berapakah jumlah masjid dan surau dalam kawasan DUN Endau yang telah menerima bantuan daripada pihak kerajaan sama ada baik pulih bangunan ataupun penerimaan projek bekalan barang?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 24 (A101)

Adakah kerajaan mempunyai data khusus berkenaan kewujudan sekolah-sekolah persendirian bagi pelarian UNCHR di Johor?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 25 (A82)

Apakah justifikasi SAJ bagi kerajaan untuk meluluskan kenaikan tarif air bagi pengguna bukan domestik di Johor sebanyak 15 sen per meter padu (m3) mulai Januari tahun ini?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 26 (A104)

Berapakah jumlah individu tanpa kewarganegaraan (stateless) mengikut kumpulan etnik dan umur di negeri Johor?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 27 (A78)

Berapakah jumlah pelancong yang melawat Negeri Johor pada tahun 2021 dan 2022 mengikut pecahan pelancong domestik dan pelancong asing?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 28 (A86)

Mengapakah skim pemberian air percuma kepada isi rumah berpendapatan rendah dibatalkan dan apa inisiatif kerajaan negeri Johor untuk meringankan beban hidup golongan tersebut?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)

SOALAN 29 (A143)

Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menambah baik bantuan khas kepada pesakit-pesakit kronik di negeri Johor ini terutama bantuan kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan dialisis memandangkan mereka terpaksa menampung kos yang besar untuk rawatan penyakit ini?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 30 (A42)

Dalam menjamin kelestarian alam sekitar dan penggunaan tenaga lestari, apakah inisiatif kerajaan Johor dalam fasilitasi bagi menggalakkan, mempercepatkan serta meringkaskan proses pemasangan/penjanaan tenaga boleh diperbaharui?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN 31 (A155)

Senaraikan lokasi tanah yang terbiar atau tidak diusahakan berserta jumlah keluasan di negeri Johor serta adakah kerajaan bercadang untuk menyewakan atau memajakkan tanah tersebut kepada pelabur dan petani bagi meningkatkan pendapatan pengusaha dan negeri.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 32 (A197)

Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan di dalam usaha menyelesaikan masalah tanah terbiar tidak di selenggara dan berapa banyak notis yang telah dikeluarkan kepada pemilik tanah terbiar ini?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 33 (A208)

Berapakah tanah terbiar atau tanah yang belum dirancang dimiliki oleh kerajaan negeri Johor dan apa inisiatif kerajaan negeri untuk menyelesaikan isu ini?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 34 (A213)

Apakah pendirian kerajaan negeri berkaitan cadangan menjadikan tanah terbiar di negeri-negeri untuk disewa atau dipajak bagi mewujudkan projek pertanian moden dan berapa banyakkah tanah terbiar milik kerajaan negeri yang berada di zon pertanian?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 35 (A209)

Apakah solusi muktamad bagi isu geran tanah kongsi yang sering berlaku di Bukit Batu kerana ramai menjadi mangsa penipuan dengan kes tanah mereka yang tidak dapat diselesaikan tanpa garis masa yang ditetapkan.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)

SOALAN 36 (A69)

Adakah ada sebarang data rekod kemalangan yang melibatkan penggerai?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 37 (A40)

Memandangkan terlaksananya Undi18 dan pertambahan bilangan penduduk di Johor, adakah kerajaan Johor akan mengesyorkan agar menambah bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri Johor?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

----- (Penggulungan YAB Menteri Besar Johor) -----

5. RUNDINGAN

- Rundingan mengenai Penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.